

Headline **Rahsia nafsu rakus abang tiri terbongkar**  
 Date **06. Feb 2009** Language **MALAY**  
 Media Title **Harian Metro** Page No **8**  
 Section **Setempat** Article Size **158** cm2  
 Circulation **336603** Frequency **Daily**  
 Readership **2192000** Color **One Spot Color**  
 AdValue **2665.30**



## Rahsia nafsu rakus abang tiri terbongkar

**MERSING:** Minat luar biasa seorang murid tahun lima terhadap jangkitan HIV dalam satu sesi pembelajaran di sekolah di sini semalam, membuka rahsia mengejutkan apabila dia mendedahkan menjadi mangsa rogol abang tiri selama hampir empat tahun.

Malah, rahsia kedajalan abang tiri yang juga penagih dadah dan tidak bekerja itu hampir terpendam begitu saja berikutan suspek dipercayai dihalau keluarga sejak beberapa bulan lalu.

Lelaki berusia 24 tahun itu dihalau bapanya dari rumah kerana perbuatan terkutuknya diketahui keluarga.

Perbuatan lelaki berusia 24 tahun itu terbongkar selepas mangsa yang bertanya mengenai jangkitan HIV pada guru kelasnya, memberitahu kejadian yang dilakukan abang tirinya.

Berikutan pendedahan mangsa, guru berkenaan menyoal siasat latar belakang murid itu dan mengesyaki sesuatu yang buruk berlaku padanya sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah, tengah hari semalam.

Difahamkan, pada mulanya ibu mangsa enggan bekerjasama membuat laporan kerana malu.

Namun, selepas dipujuk

wanita itu bersetuju demi masa depan mangsa.

Pemangku Ketua Polis Daerah, ASP Mohd Toff Maaroff, berkata berdasarkan siasatan awal, mangsa dipercayai dirogol beberapa kali sejak lima tahun lalu dan kejadian itu disyaki berlaku ketika ibu mangsa tiada di rumah.

"Ibu mangsa yang bekerja sebagai pengasuh, sering meninggalkan mangsa di rumah untuk dijaga abang tirinya itu," katanya.

Katanya, polis menyasiat kejadian rogol yang dikatakan berlaku sejak kanak-kanak itu berusia tujuh tahun dan berusaha mengesan abang tiri mangsa.

Sementara itu, Mohd Toff berkata, dalam kejadian berasingan, seorang pelajar tingkatan empat mendakwa dirogol beberapa kali bapa tirinya yang berumur 50 tahun, sejak April tahun lalu mengakibatkan dia hamil lima bulan.

Beliau berkata, remaja berusia 16 tahun dari Felda Endau, dekat sini, yang mendakwa tidak tahan dirogol membuat laporan di Balai Polis Endau, tengah hari semalam.

Difahamkan, kedua-dua mangsa dihantar ke Hospital Mersing untuk menjalani pemeriksaan perubatan.

Mereka diberikan perlindungan di bawah penjaminan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).